

Kementerian benar pegawai

BT 7 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pertahanan sedia membenarkan pegawainya yang menyaksikan kejadian di Sauk, Perak, memberi pengakuan untuk membuktikan tragedi itu bukan lakonan kerajaan sebagaimana didakwa pembangkang.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang menyifatkan dakwaan pembangkang sebagai 'benar-benar gila', berkata pengakuan itu adalah usaha tambahan kepada kertas putih yang se-

dang disediakan, sekali gus menangkis pembbohongan pihak berkenaan.

"Kita boleh membenarkan pegawai tentera dan polis yang menyaksikan kejadian itu memberi penjelasan bahawa kejadian itu bukanlah satu sandiwara sebab kita terlalu sayangkan anggota kita.

"Kita tidak sanggup melihat mereka terkorban semata-mata nak membuat satu pementasan drama seperti mana didakwa pembangkang," katanya kepada pemberita selepas

merasmikan dialog industri pertahanan tempatan di sini, hari ini.

Pada 2 Julai lalu, sekumpulan ahli Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah), melakukan rompakan senjata di Kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, Perak.

Kumpulan itu yang melarikan pelbagai jenis senjata api dari kem berkenaan, bersembunyi di Bukit Jenalik, Sauk dan menahan empat orang terma-

suk tiga anggota pasukan keselamatan sebagai tebusan.

Dua anggota keselamatan, Detektif Sarian R Sagathevan dan 'Prebet Mathew a/k Medan, dibunuh. Bagaimanapun, kumpulan itu menyerahkan diri selepas empat hari bersembunyi di bukit berkenaan.

Mengenai kemungkinan pembangkang membuat dakwaan kerana kejayaan menyelesaikan kes itu tanpa banyak pertumpahan darah, Najib ber-

beri penjelasan

kata pasukan keselamatan menggunakan kekerasan yang minimum sebagaimana diarahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita juga memberi peluang kepada anggota kumpulan itu menyerahkan diri bagi mengelak pertumpahan darah," katanya.

Sementara itu, Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, yang turut menafikan dakwaan pembangkang,

menegaskan keputusan menggerakkan 11 batalion tentera di Semenanjung sebaik tercetus kejadian itu bukan satu perkara main-main.

"Mengerakkan 11 batalion tentera termasuk Tentera Udara Diraja Malaysia dalam operasi itu bukan satu perkara main-main," katanya. Beliau juga mengingatkan ATM menggunakan peluang ketika aman untuk membangunkan sistem pertahanan negara dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan bagi

menghadapi sebarang kemungkinan.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pembangunan itu bukan saja dari aspek fizikal seperti di kem dan peralatan tentera, tetapi meliputi peringkat pengubalan dasar.

Dalam keadaan amanlah kita membina kekuatan untuk menghadapi apa juga kemungkinan kerana jika sesiapa yang berniat jahat... mereka tidak akan memberi notis kepada kita," katanya.